



UNTUK SIARAN SEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### Offspring Mengembangkan Sayap ke Indonesia

#### Sorotan Utama:

- Strategi ke Indonesia merupakan negara ke-26 Offspring Inc yang juga merangkumi Eropah, Amerika Utara, Asia dan Afrika
- Potensi pertumbuhan eksponensial di pasaran Indonesia didorong oleh jumlah penduduk negara tersebut yang melebihi 270 juta dan kadar kelahiran kelima tertinggi di Asia Tenggara dengan lebih 4 juta kelahiran

**KUALA LUMPUR, 8 SEPT 2023** - Produk bayi organik premium yang menarik di bawah jenama Offspring kini sedia ada di Indonesia.

Ini merupakan langkah terbaharu anak syarikat ‘*Sustainable Healthcare*’ SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA”), Offspring Inc. Sdn. Bhd., (“Offspring”) bagi meluaskan pasaran globalnya.

Pasaran Indonesia merupakan negara ke-26 untuk Offspring yang giat meluaskan jenamanya merentasi sempadan.

Pencapaian terbaru ini menepati aspirasi global Offspring yang telah mempunyai kehadiran di benua lain seperti Eropah, Amerika Utara, Asia dan Afrika.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Kami telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa yang lebih besar dahulu, seperti Rusia, dan UAE sebelum memperluaskan kedudukan kami di Asia Tenggara.



"Kami telah berjaya menggandakan penjualan kami di negara-negara ini dalam tempoh 2 tahun yang pertama dan terus berkembang pada tahun-tahun berikutnya, sejurusnya mengukuhkan jenama Offspring di pasaran antarabangsa.

"Dengan itu, kami yakin Indonesia akan menjadi pasaran yang penting bagi Offspring."

Datuk Azrin menambah bahawa Indonesia merupakan destinasi pelaburan yang amat sesuai kerana ia mempunyai populasi yang terbesar di Asia Tenggara, iaitu melebihi 270 juta orang dan mencatat jumlah kelahiran yang melebihi 4 juta pada tahun 2021, menurut data World Bank.

"Offspring berpotensi untuk berkembang secara eksponensial kerana kami menyediakan pelbagai produk yang benar-benar unik dan diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai selamat dan lestari serta memenuhi permintaan pengguna terhadap produk mesra alam."

Beliau menambah Offspring akan memberi tumpuan kepada "*online-first strategy*" di mana lebih 170 SKU yang berbeza akan dijual di semua platform e-dagang utama Indonesia, termasuk Shopee, Lazada, Blibli dan Tokopedia serta kedai dalam-talian Offspring dan juga kedai-kedai tertentu.

Dengan pelancaran Offspring di Indonesia pada 7 September, ibu bapa yang prihatin kini boleh mendapatkan produk bayi organik premium Offspring di negara tersebut, yang sebelum ini mereka hanya boleh membeli produk Offspring di negara jiran seperti Singapura.

Pelancaran tersebut dihadiri oleh lebih daripada 30 KOLs termasuk Eriska Rein, Sheza Idris, Alika Ismadina, Shenty Fezliana dan Richa Iskak.



Offspring memasarkan dan mengeksport rangkaian produk penjagaan kesihatan pencegahan yang selamat, semula jadi dan mesra alam seperti lampin bayi, tisu basah terbiodegradasi, serta produk penjagaan kulit dan keperluan rumah yang lestari.

Semua produknya dihasilkan menggunakan bahan mesra alam, disokong oleh pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang telah mengiktiraf produk Offspring sebagai selamat untuk bayi dan mesra alam.

Datuk Azrin menyimpulkan, "Dengan strategi terbaru ini, Offspring akan memperkuuhkan jenamanya di Asia Tenggara sebagai jenama pilihan utama untuk kegunaan bayi. Kami akan sentiasa membuka pasaran baru sejajar dengan aspirasi mengembangkan jenama Offspring secara global."

- Tamat -

\*\*\*\*\*

#### **Mengenai Offspring Inc Sdn Bhd**

Offspring Inc, unit 'Sustainable Healthcare' SEDANIA Innovator Berhad yang tersenarai di Bursa Malaysia, telah menjadi jenama produk bayi organik premium dan paling pesat berkembang, dengan lebih 170 SKU tersedia di lebih 25 negara merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika melalui saluran jualan dalam talian dan kedai runcit terpilih.

Rangkaian produk penjagaan kesihatan pencegahan Australia yang lestari dan premium termasuk lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barang keperluan penjagaan kulit organik, serta produk isi rumah yang menggunakan bahan berdasarkan tumbuhan.

Selain produknya mesra alam dan berdasarkan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai selamat dan lestari. Ini disokong oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik.

Log masuk ke [www.offspringinc.com](http://www.offspringinc.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk penjagaan kesihatan mesra alam kami.



### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad**

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaraianya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 76 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berdasarkan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkuman kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Sila layari laman kami [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:*

*Doreenn Leong / Ilya Amira*

*Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6013 228 8005*

*Emel: media@sedaniainnovator.com*